

NO. SOALAN: 133

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL
[PENDANG]**

TARIKH : 09 JUN 2014

SOALAN :

YB Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-

- (a) Status perancangan pembinaan Hospital Daerah Pendang yang sangat lama tertangguh; dan
- (b) Apakah sebab-sebab tertangguh dan bilakah tarikh sebenar pembinaan akan dimulakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Projek Hospital Pendang pada asalnya telah diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) untuk dilaksanakan secara *Private Finance Initiative (PFI)* pada 30 Mei 2012. Namun demikian, oleh kerana kos pembinaan yang menggunakan kaedah *PFI* adalah sangat tinggi, MJM pada 5 Mac 2014 bersetuju supaya projek ini dilaksanakan melalui Peruntukan Pembangunan Kementerian Kesihatan Malaysia secara berfasa di bawah RMKe-11 (2016- 2020) tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan.